

B528:
MAHATHIR-PENJELASAN

1981

KUALA LUMPUR, 17 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI KENJELASKAN BAHAWA KENYATAAN BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SEMALAM BAHAWA TIAP-TIAP KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO ADALAH SECARA KOLEKTIF TIDAK BERMAKSUD MENGGAMBARAKAN KENYATAANNYA ITU MEMIHAK KE MANA-MANA GOLONGAN DI DALAM ATAU LUAR PARTI.

PENJELASAN INI DIKELUARKAN OLEH PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM SATU KENYATAAN DI SINI MA&M INI.

KENYATAAN ITU BERKATA APA YANG DISEBUTKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU TIMBALAN PRESIDEN UMNO ADALAH HANYA SETAKAT MENYATAKAN BAHAWA TIAP-TIAP SATU KEPUTUSAN OLEH MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU ADALAH SECARA KOLEKTIF.

DALAM PERCAKAPANNYA DENGAN PARA PEMBERITA SEMALAM DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK SAMA SEKALI BERTUJUAN UNTUK MENYENTUH PERIBADI SESIAPA, KATA KENYATAAN ITU LAGI.

KEBANYAKAN AKHBAR MENYIARKAN HARI INI BERITA TENTANG PERTEMUAN DAYUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN PARA PEMBERITA ITU, KATA KENYATAAN TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 2058/A1

MAHATHIR-PENJELASAN 2 KUALA LUMPUR

KENYATAAN SEPENUHNYA P&JABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

MENGIKUT BERITA YANG TELAH DISIARKAN OLEH KEBANYAKKAN AKHBAR-
AKHBAR PADA HARI RABU 17HB. JUN, 1981, TENTANG PERTEMUAN YAB
TIMBALAN PERDANA MENYERI DENGAN PEMBERITA-PEMBERITA,
INILAH DINYATAKAN IAITU APA YANG DIKATAKAN OLEH YAB TIMBALAN
PERDANA MENTERI IALAH: TIAP-TIAP KEPUTUSAN YANG DICAPAI
DI DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO ADALAH KEPUTUSAN
SECARA KOLEKTIF DAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI SELAKU
TIMBALAN PRESIDEN UMNO TIDAK BERMAKSUD UNTUK MENGGAMBARAKAN
BAHAWA KENYATAAN YANG DIBUAT ITU UNTUK MEMIHAK KEMANA-MANA
GOLONGAN MAHU DI DALAM ATAU PUN DI LUAR PARTI.

APA YANG DISEBUTKAN OLEH YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI SELAKU
TIMBALAN PRESIDEN UMNO ADALAH HANYA SETAKAT MENYATAKAN IAITU
TIAP-TIAP SATU KEPUTUSAN OLEH MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI
UMNO ADALAH KEPUTUSAN SECARA KOLEKTIF. SEKIAN DAN DIHARAP
PIHAK AKHBAR AKAN DAPAT MEMBETULKAN BERITA-BERITA YANG TELAH
DISIARKAN ITU YANG BERPUNCA DARI PERTEMUAN YAB TIMBALAN
PERDANA MENTERI DENGAN PEMBERITA-PEMBERITA. PERCAKAPAN
TERSEBUT TIDAK SAMA SEKALI BERTUJUAN UNTUK MENYENTUH PERIBADI
SESIAPA. -- BERNAMA 2101/A 1